

Nizar MB Sah Perak

Hakim Mahkamah Tinggi Yang Arif Abdul Aziz Abdul Rahim memutuskan bahawa YAB Dato' Seri Mohamad Nizar Jamaluddin adalah Menteri Besar Perak yang sah.

Keputusan itu dibuat kerana Hakim Abdul Aziz berpendapat peruntukan undang-undang tubuh Negeri Perak tidak membenarkan pemecatan Menteri Besar melainkan menerusi satu undi tidak percaya ke atas beliau oleh Dewan Undangan Negeri.

Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur mengumumkan Datuk Seri Mohamad Nizar Jamaluddin sebagai menteri besar sah Perak setelah digugurkan jawatan tersebut, awal Februari lalu.

Mahkamah juga memutuskan menteri besar BN Datuk Seri Zambry Abdul Kadir dan enam exconya mengosongkan dengan kadar

segera pejabat mereka - di Bangunan Perak Darul Ridzuan di Ipoh.

Dalam penghakimannya, hakim Abdul Aziz Abd Rahim berkata seseorang menteri besar hanya boleh dipecat melalui undi tidak percaya di DUN, seperti kes Stephen Kalong Ningkan.

Hakim menambah, dalam kes pelucutan Mohamad Nizar, tiada persidangan dewan diadakan untuk meluluskan usul sedemikian.

Dalam penghakimannya, Abdul Aziz berkata jika Sultan Perak mahu meletakkan Mohamad Nizar meletakkan jawatan, maka baginda sepatutnya mengambil sidang DUN untuk mengemukakan usul tersebut.

Permohonan peguam Zambry, Cecil Abraham untuk menangguhkan penghakiman tersebut ditolak oleh mahkamah.

Sambung muka surat 3..



Kandungan menarik ...

- ISA: Pembebasan sekadar mengaburi isu pencabulan Perlembagaan Negeri Perak
- Aktiviti KeADILan Gopeng
- Persidangan DUN Perak: 1 Malaysia Gelita

Anwar cabar Najib adakan P'raya di Perak



Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata kemelut politik di Perak bukanlah isu perundangan yang boleh diselesaikan di mahkamah.

Sebaliknya, beliau yang juga ketua umum PKR berkata, ia hanya boleh diselesaikan melalui pilihanraya yang bebas dan adil.

"Penyelesaiannya bukan pada istana atau mahkamah, tetapi mahkamah rakyat yang akan menentukannya," katanya.

Sehubungan itu, Anwar mencabar Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak supaya mengadakan pilihanraya baru di Perak bagi menyelesaikan kemelut politik sekarang.

Apabila beliau bertanya mengapa Najib perlu takut untuk mengadakan pilihanraya baru di Perak, kira-kira 3,000 hadirin yang memenuhi dewan tersebut melaung: "Takut kalah". Najib dikaitkan dengan tindakan BN merampas kuasa di Perak dari Pakatan Rakyat.



ISA: Pembebasan Sekadar Mengaburi Isu Pencabulan Perlembagaan Negeri

Saya gembira sebaik dimaklumkan berkenaan pembebasan 13 orang tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) termasuklah tiga orang pimpinan Hindraf. Kesemua mereka termasuk beberapa rakan yang didakwa terlibat dalam keganasan tanpa bukti - setelah 6-7 tahun ditahan telah mengharungi dugaan ini dengan penuh kesabaran.

Meski pun kepedihan dan kesengsaraan yang ditanggung amat berat, mereka tetap teguh berpegang kepada prinsip perjuangan serta tidak mahu menyerah kepada tuntutan pemerintah agar patuh pada beberapa syarat mengongkang.

Mereka semua perlu mendapat pembelaan yang sewajarnya dan kerajaan khususnya Kementerian Dalam Negeri seharusnya memohon maaf kepada mereka. Sepanjang ditahan, kerajaan seringkali memutarakan fitnah kononnya mereka semua terlibat dengan aktiviti keganasan, namun tidak pula dihadapkan

ke mahkamah untuk dibicarakan.

Nah! Sekarang sekonyong-konyong dibebaskan tanpa penjelasan. Jelaslah walau apapun penjelasan, juga justifikasi yang diberikan, ISA perlu dimansuhkan serta merta dan kesemua tahanan perlu dibebaskan. Undang-undang kuku besi lagi kuno ini sudah tidak mempunyai tempat jika benar-benarlah perubahan yang dikehendaki.

Kenyataan Menteri Dalam Negeri semalam membuktikan kerajaan sememangnya tidak berhasrat untuk memansuhkan ISA. Beliau menyifatkan pembebasan 13 tahanan semalam hanya berdasarkan keadaan bukannya kerana akta tersebut zalim.

Maka jelas terbukti lantaran tertekan dengan kebiadapan wakil-wakil rakyat BN sewaktu sidang DUN Perak tempoh hari, langkah pembebasan ini hanya sekadar satu upaya untuk mengalihkan perhatian rakyat dari isu sebenar iaitu pencabulan perlembagaan serta prinsip demokrasi di negeri Perak.

ANWAR IBRAHIM
KETUA PEMBANGKANG DEWAN RAKYAT MALAYSIA

KULI SOKONG DUN PERAK DIBUBARKAN

Pemimpin berpengalaman Umno menyokong tindakan menteri besar Pakatan Rakyat di Perak mengusulkan kepada istana agar membubarkan DUN bagi mengatasi kemelut politik sejak Februari.

"Kita berharap Sultan memperkenankan untuk membubarkan DUN. Ia bukan sahaja tindakan sewajarnya, tetapi satu-satunya cara keluar daripada krisis yang membelit Perak, merosakkan keluhuran undang-undang, mencalarakan badan kehakiman, polis dan perkhidmatan awam negeri, dan mencemarkan sistem beraja di mata umum," kata bekas naib presiden Umno itu di blognya.

Di awal krisis ini, Tengku Razaleigh telah mempertikaikan tindakan rampasan kuasa BN, termasuk menggugurkan jawatan Mohammad Nizar, dengan menyifatkannya di luar proses perlembagaan.

Beliau juga telah mencadangkan pilihanraya negeri diadakan atau rakyat akan semakin meluat pada Umno.

Dalam tulisan terbarunya, bekas pemimpin Parti Melayu Semangat 46 berkata kerajaan BN pimpinan Datuk Seri Zambry Abd Kadir lebih kurang tiga bulan "selama ini haram dan semua keputusan serta kontrak yang dibuat olehnya tanpa asas perundangan."

Tindakan kerajaan BN di Perak juga tidak sah menghalang sidang tergempar DUN pada awal Mac dan usul yang dibawa Zambry untuk menggantikan Speaker, V Sivakumar pada persidangan paling kecoh, Khamis lepas.

"Sultan, dan sistem beraja itu sendiri, menanggung malu dengan babak (politik) ini, termasuk usaha terancang oleh sesetengah pihak untuk menyemarakkan lagi isu menjadi perkauman dan pender-



hakaan.

"Tindakan seumpama ini hanya merosakkan lagi institusi yang mereka dakwa cuba memperatahankannya, dan (susulan itu) ia mencemarkan Umno dan BN," katanya.


"Isu sebenarnya adalah perlembagaan dan kedaulatan undang-undang, dan sistem beraja dilindungi selagi mendukung keunggulan perlembagaan dan hasrat rakyat.

Persidangan DUN Perak 7 Mei: 1 Malaysia Gelita



Tangkapan tanpa alasan munasabah

69 orang termasuk 10 ADUN dan ahli parlimen Pakatan Rakyat telah ditahan di sekitar DUN Perak sewaktu sidang dewan sedang berlangsung tanpa sebarang alasan yang munasabah.



Polis mence-robohi Dewan

100 anggota polis berpakaian seragam dan preman menceroabah ke dalam Dewan Undangan Negeri dan menimbulkan kekecohan seperti tidak bertamadun.




Speaker 'diangkat' dan diheret keluar dari dewan.



Kira-kira 100 anggota polis memasuki Dewan dan mengelilingi tempat duduk Sivakumar. Mereka mengusung dan menyeret Speaker Sivakumar keluar sehingga beliau terjatuh dan beliau dikurung di sebuah bilik stor.

7hb Mei merupakan detik hitam dalam sejarah Malaysia. Belum pernah terjadi dalam sejarah, seorang Speaker Dewan ditarik keluar dari Dewan dan anggota polis mencerobohi dan campur tangan persidangan DUN.

Bagi menyelesaikan kemelut politik di Negeri Perak, Pakatan Rakyat tuntas dengan tuntutan agar Dewan Undangan Negeri dibubarkan serta merta. Ini untuk membolehkan rakyat menentukan kerajaan mana yang memperoleh mandat serta kepercayaan mereka melalui pilihanraya yang bakal diadakan nanti.



Rampasan kuasa

ADUN Jelapang yang digantung dan dihalau keluar oleh Speaker YB Sivakumar cuba merampas kuasa dengan cuba membuat pengumuman melantik Speaker baru - Ganesan, walaupun YB Sivakumar, Speaker yang sah masih berada di tempat duduk Yang Dipertua.



Polis bertindak kasar terhadap wakil rakyat

Terdapat ramai ADUN PR, ADUN Teja YB Chang Lih Kang dan ADUN Simpang Pulai YB Chan Ming Kai cedera akibat diheret secara kasar oleh polis keluar dari Dewan Undangan Negeri.